

BAB 3

PROSES PEMBENTUKAN KATA DARI PERSPEKTIF

MORFOLOGI

3.1 Pendahuluan

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Struktur kata dimaksudkan sebagai susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Penggolongan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk dan/atau fungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama (Nik Safiah Karim et al., 1992: 03).

Abdullah Hassan (1988:42) mengatakan bahawa proses morfologi ialah proses yang berlaku untuk menghasilkan kata terbitan. Maksudnya, proses ini cuba menjelaskan apa yang berlaku terhadap unit-unit morfem dalam bahasa Melayu, iaitu *pengimbuhan, penggandaan* dan *pemajmukan*.

Bahasa Melayu lazimnya dikatakan mempunyai empat bentuk kata (Nik Safiah et al., 1992: 09), iaitu :

- i. bentuk kata tunggal
- ii. bentuk kata terbitan
- iii. bentuk kata majmuk
- iv. bentuk kata ganda

Menurut Asmah Hj. Omar (1986: 25) berdasarkan ciri-ciri morfologi, kata dapat dibahagikan kepada dua, iaitu kata selapis dan kata kompleks. Kata selapis ialah kata yang terdiri daripada satu morfem sahaja, manakala kata kompleks ialah kata yang terdiri sekurang-kurangnya daripada dua morfem dan kata kompleks meliputi kata kompleks setara (kata majmuk) dan kata kompleks tidak setara (kata berlapis).

Untuk keseragaman huraiian dalam kajian ini, maka pendekatan yang digunakan dalam menerangkan proses pembentukan kata lebih merujuk kepada pendekatan yang digunakan oleh Nik Safiah Karim et al., .

3.2 Proses Pembentukan Kata dalam Bahasa Melayu

Bahasa Melayu mempunyai beberapa cara dalam membentuk perkataan-perkataan yang diperlukan dalam pertuturan sehari-hari. Sama seperti bahasa-bahasa lain, bahasa Melayu juga membentuk kata melalui beberapa proses morfologi, dan akan menghasilkan bentuk-bentuk kata seperti yang dibincangkan di atas.

Unit tatabahasa yang menjadi asas dalam proses pembentukan kata bahasa Melayu disebut sebagai "morfem". "Morfem" ialah unit terkecil tatabahasa yang berfungsi gramatis atau yang menjalankan tugas nahu (Nik Safiah Karim et al., 1992: 03), manakala "perkataan" pula ialah bentuk yang terhasil akibat daripada proses morfologi yang diaplikasikan terhadap morfem dasar.

Morfem terbahagi kepada dua, iaitu morfem bebas dan morfem terikat. Morfem bebas ialah morfem yang dapat mendukung tugas nahu tanpa memerlukan bantuan daripada morfem-morfem lain. Morfem bebas mempunyai makna yang lengkap dan boleh dijadikan ayat minimal. Morfem terikat ialah morfem yang memerlukan morfem lain untuk membolehkannya berfungsi gramatis dalam ayat.

Morfem terikat pula terbahagi kepada dua, iaitu imbuhan dan kata akar. Imbuhan ialah unit-unit tertentu yang ditambahkan pada bentuk-bentuk lain yang menyebabkan perubahan makna nahunya. Tercakup dalam imbuhan ialah bentuk-bentuk berikut: awalan, akhiran, sisipan, apitan, morfem kosong dan bentuk fleksi. Morfem kosong dan bentuk fleksi tidak terdapat dalam bahasa Melayu (Nik Safiah Karim et al., 1992: 07).

Proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu dapat dilihat dengan merujuk kepada bentuk-bentuk kata yang terhasil, iaitu:

- i. kata tunggal
- ii. kata terbitan
- iii. kata majmuk
- iv. kata ganda

3.3 Kata Tunggal

Perkataan-perkataan yang tidak mengalami sebarang proses morfologi seperti proses pemajmukan, pengimbuhan, dan penggandaan tergolong dalam jenis kata tunggal. Bahasa Melayu mempunyai kata tunggal yang terdiri daripada satu suku kata, dua suku kata dan lebih.

Kebanyakan kata tunggal mempunyai kemungkinan untuk diperluas menjadi bentuk kata terbitan (Nik Safiah Karim et al., 1992: 23).

Pembentukan kata tunggal satu suku kata bahasa Melayu mempunyai beberapa pola gabungan vokal (KV). Pola-pola tersebut ialah :

1. KV: yu, ru, ya
2. VK: am
3. KVK: cat, lap, kod
4. KKV: stor, brek
5. KVKK: teks, zink, bank
6. KKKV: skru
7. KKKVK: straw, skrip

Kata tunggal dua suku kata pula mempunyai pola seperti di bawah:

1. V+KV: aku, ada, ini
2. V+VK: air, aur, ais
3. V+KVK: akar, ular, ikat
4. VK+KV: impi, undi, ampu
5. VK+KVK: ambil, anjal, indah
6. KV+V: tua, bau, dua
7. KV+VK: buat, giat, kuih
8. KV+KV: bala, gula, hati
9. KV+KVK: batal, ketam, kasut

10. KV+KV: buntu, kanta, tanpa
11. KV+KV: bantal, jemput, kantin

Kata tunggal yang mempunyai tiga suku kata pula mempunyai pola-pola seperti yang berikut :

1. KV+V+KV: cuaca, suasa, biasa
2. KV+V+KVK: kaerah, ziarah, juadah
3. V+KV+V: usia, idea, urea
4. KV+KV+KV: semua, setia, ceria
5. KV+KV+V: mertua, tempua
6. KV+KV+VK: haruan, maruah, seluar
7. KVK+KV+VK:berlian, tempias,
manfaat
8. V+KV+KV: udara, asasi, ugama
9. V+KV+KVK: alamat, akibat, ulamak
10. VK+KV+KV: asrama, almari, antara
11. KV+KV+KV: supaya, baharu, kelana
12. KVK+KV+KV:bendera, jendela,
kembali
13. VKK+KV+VK: ikhtiar
14. V+KV+VK: idiom, elaun, akaun
15. KV+KV+KVK:belukar, selaput,
telahan
16. KVK+KV+KVK: matlamat, sempadan
17. KV+KVK+KV:belanja, terumbu,
keranda
18. KVK+KVK+KV: sempurna
19. KV+KVK+KVK: kelompok, selumbar

Kata tunggal empat suku kata ke atas pula mempunyai pola seperti yang berikut:

1. KV+KV+VK+KV: biduanda, keluarga
2. KV+KVK+KV+KV: sederhana, bijaksana
3. KVK+KV+KV+KV: merbahaya, bendahara
4. KVK+KV+V+VK: sentiasa
5. KV+KV+KV+KV: bidadari, serigala
6. KV+KV+KV+KVK: hulubalang, salasilah
7. KVK+KV+KV+KVK: sentimeter
8. KVK+KVK+KV+KV: singgahsana
9. KV+KV+V+KVK: mesyuarat, nasional
10. V+KV+KV+KV+KV: universiti
11. KVK+KV+KV+KV+KVK: cenderawasih
12. KV+KV+KV+KV+KV+KV: maharajalela

Selain pola-pola yang terdapat di atas, kata akronim juga tergolong ke dalam kata tunggal. Kata akronim ialah kata yang telah mengalami proses penyingkatan dan terdiri daripada satu bentuk yang mempunyai makna yang tersendiri.

Contoh kata akronim ialah :

INTAN (Institut Pentadbiran Awam)
cerpen (cerita pendek)
pawagam (panggung wayang gambar)
LUTH (Lembaga Urusan Tabung Haji)
MARA (Majlis Amanah Rakyat)

3.4 Kata Terbitan

Kata terbitan ialah kata yang terhasil apabila sesuatu kata dasar mengalami proses pengimbuhan. Kata dasar boleh terdiri daripada morfem bebas dan morfem terikat yang bukan imbuhan, iaitu kata akar. Berdasarkan kedudukannya pada kata dasar, imbuhan dapat dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu :

- a. Awalan
- b. Akhiran
- c. Apitan
- d. Sisipan

3.4.1 Awalan

Awalan bahasa Melayu akan menghasilkan bentuk-bentuk: kata nama terbitan berawalan, kata kerja terbitan berawalan, kata adjektif terbitan berawalan. Berikut itu, awalan dapat dikategorikan kepada tiga bahagian, iaitu:

- a. awalan kata nama
- b. awalan kata kerja
- c. awalan kata adjektif

3.4.1.1 Awalan Kata Nama

Awalan kata nama dapat dibahagikan kepada lima jenis, iaitu:

- i. peN-
- ii. pe-
- iii. peR-
- iv. ke-
- v. juru-

i. Awalan peN-

Awalan *peN-* terdiri daripada empat bentuk alomorf, iaitu *pe-*, *pem-*, *pen-*, dan *peng-*. Perbezaan bentuk-bentuk alomorf ini bergantung kepada dua faktor:

1. faktor fonologi, iaitu jenis huruf pertama yang akan bercantum dengan awalan tersebut.
2. faktor perkembangan dan perancangan bahasa, akan menghasilkan bentuk-bentuk yang tidak mematuhi kelaziman peraturan fonologi bahasa Melayu.

Berikut dibincangkan jenis-jenis alomorf *peN-* yang membentuk kata-kata terbitan dalam bahasa Melayu.

a. Awalan *peN-* akan menjadi *pe-* apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *m*, *n*, *ny*, *ng*, *r*, *l*, dan *w*.

Contoh:

maju	+	<i>peN-</i>	=	pemaju
naik	+	<i>peN-</i>	=	penaik
nyanyi	+	<i>peN-</i>	=	penyanyi
ngiau	+	<i>peN-</i>	=	pengiau
ragut	+	<i>peN-</i>	=	peragut
labur	+	<i>peN-</i>	=	pelabur
warak	+	<i>peN-</i>	=	pewarak

Terdapat beberapa kata dasar yang bermula dengan huruf *p*, *t*, *k*, dan *s* yang apabila menerima imbuhan *peN-*, huruf *p*, *t*, *k*, dan *s* akan menjadi luluh dan digantikan dengan huruf-huruf sengau yang sama daerah artikulasinya, iaitu *m*, *n*, *ng*, dan *ny*.

Contoh:

pukul	+	<i>peN-</i>	=	pemukul
tahan	+	<i>peN-</i>	=	penahan
karang	+	<i>peN-</i>	=	pengarang
sapu	+	<i>peN-</i>	=	penyapu

b. Awalan *peN-* menjadi *pem-* apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *b* bagi perkataan bahasa Melayu dan huruf *b*,

f, dan *v* serta gugusan konsonan yang bermula dengan huruf *b* dan *p* bagi perkataan yang dipinjam.

Contoh:

buru	+	peN-	=	pemburu
basuh	+	peN-	=	pembasuh
buka	+	peN-	=	pembuka

Perkataan pinjaman:

boikot	+	peN-	=	pemboikot
veto	+	peN-	=	pemveto
fatwa	+	peN-	=	pemfatwa
brek	+	peN-	=	pembrek
blok	+	peN-	=	pemblok
proses	+	peN-	=	pemproses

- c. Awalan *peN-* menjadi *pen-* apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *d*, *c*, *j*, *sy*, dan *z* dan juga kata-kata pinjaman yang bermula dengan huruf *t*, dan *s*.

Contoh:

dera	+	peN-	=	pendera
cabar	+	peN-	=	pencabar
jaga	+	peN-	=	penjaga
syarah	+	peN-	=	pensyarah
ziarah	+	peN-	=	penziarah

Perkataan pinjaman:

takrif	+	peN-	=	pentakrif
--------	---	------	---	-----------

swasta	+	peN-	=	penswasta
tadbir	+	peN-	=	pentadbir
stabil	+	peN-	=	penstabil

d. Awalan *peN-* menjadi *peng-* apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *g*, *kh*, dan *h* (konsonan) dan *a, e, i, o*, dan *u* (vokal).

Contoh:

golong	+	peN-	=	penggolong
khusus	+	peN-	=	pengkhusus
hantar	+	peN-	=	penghantar
ambil	+	peN-	=	pengambil
ekor	+	peN-	=	pengekor
ikat	+	peN-	=	pengikat
olah	+	peN-	=	pengolah
ubah	+	peN-	=	pengubah

Awalan *peN-* juga akan menjadi *peng-* apabila bergabung dengan kata pinjaman yang bermula dengan huruf *k*.

Contoh:

katalog	+	peN-	=	pengkatalog
kritik	+	peN-	=	pengkritik
kabul	+	peN-	=	pengkabul
kategori	+	peN-	=	pengkategori

Termasuk dalam kekecualian ini ialah perkataan *kaji* yang menjadi *pengkaji* apabila menerima *peN-*,

ini bertujuan untuk membezakan makna *pengaji* yang bermaksud orang yang membuat kajian dengan *pengaji* yang bermaksud pelajar.

Awalan *peN-* menjadi *penge-* apabila bergabung dengan kata dasar yang berekasuku, tidak kira kata dasar tersebut daripada bahasa Melayu, mahupun kata yang dipinjam.

Contoh:

kod	+	<i>peN-</i>	=	pengekod
syor	+	<i>peN-</i>	=	pengesyor
pam	+	<i>peN-</i>	=	pengepam
cat	+	<i>peN-</i>	=	pengecat

Terdapat satu perkataan yang apabila bergabung dengan *peN-* akan menjadi *pel-*, iaitu *ajar* akan menjadi *pelajar*; ini sebagai variasi bagi membezakan maksud orang yang menerima kerja mengajar atau orang yang melakukan kerja belajar (Nik Safiah Karim et al., 1992: 71).

ii. Awalan *pe-*

Awalan *pe-* ialah bentuk awalan yang digandingkan pada kata dasar tanpa melibatkan apa-apa perubahan pada huruf awal kata dasar tersebut. Perkembangan bahasa telah menyebabkan awalan ini wujud untuk membezakan di antara kata

nama terbitan berawalan *peN-* dengan kata nama terbitan berawalan *pe-*.

Contoh:

salah	+	pe-	=	pesalah
tugas	+	pe-	=	petugas
suruh	+	pe-	=	pesuruh
warta	+	pe-	=	pewarta

Berdasarkan contoh-contoh di atas, kata terbitan *pesalah*, *petugas*, dan *pesuruh* adalah berbeza daripada kata terbitan *penyalah*, *penugas*, dan *penyuruh*.

iii. Awalan *peR-*

Awalan *peR-* merupakan awalan kata nama yang kurang produktif berbanding dengan awalan-awalan yang lain. Secara umumnya, awalan ini boleh bergabung dengan kata dasar tanpa melibatkan perubahan huruf awal kata dasar tersebut. Terdapat satu sahaja bentuk awalan *peR-* dalam bahasa Melayu, iaitu *per-*.

Contoh:

bara	+	per-	=	perbara
tapa	+	per-	=	pertapa
asap	+	per-	=	perasap

iv. Awalan ke-

Awalan *ke-* ialah awalan kata nama yang boleh bergabung dengan beberapa perkataan tanpa mengubah sebarang huruf awal kata dasarnya. Awalan *ke-* ini berfungsi sebagai penanda orang atau perkara yang menjadi tumpuan maksud.

Contoh:

tua	+	ke-	=	ketua
kasih	+	ke-	=	kekasih
hendak	+	ke-	=	kehendak

v. Awalan juru-.

Awalan *juru-* hanya mempunyai satu bentuk sahaja dan berfungsi sebagai penanda makna ahli atau pakar bagi orang yang terlibat secara langsung dengan membawa maksud pekerjaan kata dasar. Awalan *ke-* boleh bergabung dengan kata dasar daripada golongan kata nama, kata kerja dan kata akar tanpa melibatkan sebarang perubahan pada huruf awal kata dasar.

Contoh:

wang	+	juru-	=	juruwang
bahasa	+	juru-	=	jurubahasa
kira	+	juru-	=	jurukira
nikah	+	juru-	=	jurunikah

tera	+	juru-	=	jurutera
mudi	+	juru-	=	jurumudi

3.4.1.2 Awalan Kata Kerja

Awalan kata kerja terdiri daripada empat jenis, iaitu:

- i. meN-
- ii. beR-
- iii. teR-
- iv. di-
- v. mempeR-
- vi. dipeR-

i. Awalan meN-

Awalan *meN-* membentuk kata kerja terbitan aktif transitif dan kata kerja terbitan aktif tak transitif. Bentuk awalan *meN-* ini terbahagi kepada empat jenis, iaitu *me-*, *mem-*, *men-*, dan *meng-*, yang diseragamkan dengan huruf awal kata dasar yang menerima awalan tersebut.

- a. *meN-* akan menjadi *me-* apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *m*, *n*, *ny*, *ng*, *r*, *l*, *w*, dan *y*.

Contoh:

makan	+	meN-	=	memakan
-------	---	------	---	---------

naik	+	meN-	=	menaik
nyala	+	meN-	=	menyala
nganga	+	meN-	=	menganga
rasa	+	meN-	=	merasa
lawak	+	meN-	=	melawak
wangi	+	meN-	=	mewangi
yakin	+	meN-	=	meyakin(kan)

Kata kerja terbitan berawalan *meN-* yang mempunyai kata dasar yang bermula dengan huruf *p*, *t*, *k*, dan *s* akan menerima *me-*, huruf pertama kata dasar tersebut akan berubah kepada bentuk bunyi sengau, iaitu pada daerah artikulasi yang sama, iaitu *m* bagi *p*, *n* bagi *t*, *ng* bagi *k*, dan *ny* bagi *s*.

Contoh:

pagar	+	meN-	=	memagar
tanda	+	meN-	=	menanda
karut	+	meN-	=	mengarut
sikat	+	meN-	=	menyikat

- b. Awalan *meN-* akan menjadi *mem-* apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *b* dan kata dasar yang dipinjam yang bermula dengan huruf *f*, *p*, dan *v*, serta gugusan konsonan yang bermula dengan huruf *b* dan *p*.

Contoh:

balas	+	meN-	=	membalas
veto	+	meN-	=	memveto
fitnah	+	meN-	=	memfitnah
pamer	+	meN-	=	mempamer
proses	+	meN-	=	memproses
brek	+	meN-	=	membrek

- c. Awalan *meN-* akan menjadi *men-* apabila diimbuhkan kepada kata dasar yang bermula dengan huruf *d*, *c*, *j*, *sy*, dan *z*, serta kata dasar pinjaman yang bermula dengan huruf *t*, *s* serta gugusan konsonan yang bermula dengan huruf *t* dan *s*.

Contoh:

darat	+	meN-	=	mendarat
caci	+	meN-	=	mencaci
jabat	+	meN-	=	menjabat
syarat	+	meN-	=	mensyarat(kan)
ziarah	+	meN-	=	menziarah
tadbir	+	meN-	=	mentadbir
transkripsi	+	meN-	=	mentranskripsi
stabil	+	meN-	=	menstabil
skru	+	meN-	=	menskru

- d. Awalan *meN-* akan menjadi *meng-* apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula

dengan huruf-huruf *g*, *gh*, *kh*, dan *h* (konsonan) dan *a*, *e*, *i*, *o* dan *u* (vokal). Awalan *meng-* juga hadir bagi beberapa kata dasar yang bermula dengan huruf *k*.

Contoh:

gubah	+	meN-	=	mengubah
ghaib	+	meN-	=	menghaib
khas	+	meN-	=	mengkhas(kan)
hantar	+	meN-	=	menghantar
angkat	+	meN-	=	mengangkat
edar	+	meN-	=	mengedar
ikat	+	meN-	=	mengikat
olah	+	meN-	=	mengolah
ubah	+	meN-	=	mengubah
kritik	+	meN-	=	mengkritik

Awalan *meN-* akan berubah menjadi *menge-* apabila bergabung dengan kata dasar yang mempunyai satu suku kata.

Contoh:

cat	+	meN-	=	mengecat
lap	+	meN-	=	mengelap
bom	+	meN-	=	mengebom
kod	+	meN-	=	mengekod

ii. Awalan *beR-*

Awalan *beR-* akan membentuk kata kerja terbitan aktif tak transitif. Pada umumnya hanya terdapat

satu sahaja bentuk awalan **beR-** iaitu *ber-*. Awalan *ber-* bergabung dengan semua kata dasar tanpa melibatkan sebarang perubahan pada huruf awal kata dasar tersebut.

Contoh:

jalan	+	beR-	=	berjalan
angkat	+	beR-	=	berangkat
fikir	+	beR-	=	berfikir
jumpa	+	beR-	=	berjumpa
tambah	+	beR-	=	bertambah

Apabila awalan **beR-** bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *r*, maka salah satu *r* yang terdapat dalam kata kerja terbitan tersebut akan mengalami proses peleburan.

Contoh:

rasa	+	beR-	=	berasa
rendam	+	beR-	=	berendam
rumah	+	beR-	=	berumah
rambut	+	beR-	=	berambut

iii. Awalan **teR-**

Awalan **teR-** bahasa Melayu umumnya mempunyai satu bentuk sahaja, iaitu *ter-*. Sama seperti awalan

ber-, awalan *ter-* boleh bergabung dengan semua kata dasar tanpa mengubah huruf pertama kata dasar tersebut.

Contoh:

bantut	+	teR-	=	terbantut
makan	+	teR-	=	termakan
tidur	+	teR-	=	tertidur

Apabila *teR-* bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *r* maka salah satu daripada *r* tersebut akan mengalami proses peleburan.

Contoh:

raba	+	teR-	=	teraba
rancang	+	teR-	=	terancang
rasa	+	teR-	=	terasa
rangkum	+	teR-	=	terangkum

iv. Awalan *di-*

Awalan *di-* ialah awalan kata kerja yang digabungkan pada kata dasar untuk membentuk kata kerja pasif bagi ayat-ayat yang subjek asalnya terdiri daripada pelaku orang ketiga. Awalan *di-* hanya mempunyai satu bentuk sahaja, iaitu *di-*.

Contoh:

balas	+	di-	=	dibalas
karang	+	di-	=	dikarang
sambut	+	di-	=	disambut

pegang	+	di-	=	dipegang
tikam	+	di-	=	ditikam

v. Awalan mempeR-

Awalan *mempeR-* ialah awalan yang membentuk kata kerja terbitan dan hanya mempunyai satu bentuk, iaitu *memper-*. Bentuk ini boleh dirujuk pada bentuk asalnya *peR-*, seperti contoh *memperbuat* di bawah yang berasal daripada *perbuat*. Awalan *mempeR-* membentuk kata kerja terbitan aktif.

Contoh:

buat	+	mempeR-	=	memperbuat
besar	+	mempeR-	=	memperbesar
luas	+	mempeR-	=	memperluas
lambat	+	mempeR-	=	memperlambat

vi. Awalan dipeR-

Awalan *dipeR-* merupakan awalan yang membentuk kata kerja pasif dan hanya mempunyai satu bentuk sahaja, iaitu *diper-*. Awalan ini juga merupakan bentuk pasif awalan *mempeR-*.

Contoh:

alat +	dipeR-	=	diperalat
buat +	dipeR-	=	diperbuat
oleh +	dipeR-	=	diperoleh

senda	+	dipeR-	=	dipersenda
luas	+	diperR-	=	diperluas

3.4.1.3 Awalan Kata Adjektif

Terdapat dua bentuk awalan yang membentuk kata adjektif terbitan, iaitu *ter-* dan *se-*. Awalan *ter-* membentuk kata adjektif terbitan yang membawa maksud sebagai penjelasan atau perbandingan sesuatu keadaan tertinggi.

Contoh:

besar	+	ter-	=	terbesar
pendek	+	ter-	=	terpendek
kaya	+	ter-	=	terkaya
cantik	+	ter-	=	tercantik

Awalan *se-* pula akan menghasilkan kata adjektif terbitan yang lebih kurang sama fungsinya dengan awalan *ter-*.

Contoh:

tinggi	+	se-	=	setinggi
cantik	+	se-	=	secantik
cerdik	+	se-	=	secerdik

3.4.2 Akhiran

Terdapat dua bentuk akhiran dalam bahasa Melayu, iaitu:

- i. akhiran kata nama
- ii. akhiran kata kerja

3.4.2.1 Akhiran Kata Nama

Hanya satu bentuk akhiran sahaja yang membentuk kata nama terbitan dalam bahasa Melayu, iaitu -an. Akhiran -an akan bergabung dengan kata dasar tanpa melibatkan sebarang perubahan bunyi.

Contoh:

mimum	+	-an	=	minuman
pakai	+	-an	=	pakaian
gurau	+	-an	=	gurauan.

3.4.2.2 Akhiran Kata Kerja

Akhiran yang membentuk kata kerja terbitan terbahagi kepada dua bentuk, iaitu :

- i. -kan
- ii. -i

i. -kan

Akhiran -kan membentuk kata kerja transitif. Selalunya akhiran -kan hadir bersama awalan atau dikenali dengan bentuk apitan. Akhiran -kan boleh menerima semua jenis kata sebagai kata dasar.

Contoh:

buku	+	-kan =	bukukan
cari	+	-kan =	cariakan
lahir	+	-kan =	lahirkan
besar	+	-kan =	besarkan
serta	+	-kan =	sertakan

ii. Akhiran -i

Akhiran -i juga membentuk kata kerja transitif, kata kerja yang berakhiran-i wujud dalam dua bentuk sahaja, iaitu:

1. Dalam ayat pasif bagi orang pertama dan orang kedua.

Contoh:

Rumah itu kami duduki selama sebulan
Jangan kau tangisi pemergiannya

2. Dalam ayat perintah. Contoh:

Tolong baiki atap yang bocor itu
Cuba ikuti teladan yang baik

3.4.3 Apitan

Apitan bahasa Melayu akan membentuk kata nama terbitan, kata kerja terbitan dan kata adjektif terbitan. Terdapat tiga bentuk apitan dalam bahasa Melayu, iaitu:

- a. apitan kata nama
- b. apitan kata kerja
- c. apitan kata adjektif

3.4.3.1 Apitan Kata Nama

Apitan kata nama terdiri daripada empat jenis, iaitu:

- i. peN-...-an
- ii. pe-...-an
- iii. peR-...-an
- iv. ke-...-an

i. peN-...-an

Apitan *peN-...-an* terdiri daripada empat alomorf, iaitu *pe-...-an*, *pem-...-an*, *pen-...-an*, dan *peng-...-an*. Bentuk-bentuk ini wujud berdasarkan dua faktor, iaitu:

1. faktor fonologi, iaitu jenis huruf pertama pada kata dasar yang akan

bercantum dengan bentuk apitan tersebut.

2. faktor perkembangan dan perancangan bahasa yang tidak mematuhi kelaziman peraturan fonologi bahasa Melayu.

a. *peN-...-an* akan menjadi *pe-...-an* apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf-huruf *m*, *n*, *ng*, *ny*, *r*, *l*, *w*, dan *y*.

Contoh:

makan	+	<i>peN-...-an</i>	=	pemakanan
nanti	+	<i>peN-...-an</i>	=	penantian
nyala	+	<i>peN-...-an</i>	=	penyalaan
nganga	+	<i>peN-...-an</i>	=	pengangaan
rempuh	+	<i>peN-...-an</i>	=	perempuhan
lari	+	<i>peN-...-an</i>	=	pelarian
waris	+	<i>peN-...-an</i>	=	pewarisan
yakin	+	<i>peN-...-an</i>	=	peyakinan

Begitu juga dengan beberapa kata dasar yang bermula dengan huruf *p*, *t*, *k*, dan *s*, apabila menerima bentuk *peN-...-an* sama seperti di atas, huruf-huruf awal kata dasar tersebut akan mengalami proses nasalisasi.

Contoh:

pasar	+	<i>peN-...-an</i>	=	pemasaran
tampal	+	<i>peN-...-an</i>	=	penampalan

kabur + peN-...-an = pengaburan

salah + peN-...-an = penyalahan

- b. peN-...-an akan menjadi pem-...-an apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *b*, dan perkataan pinjaman yang bermula dengan huruf-huruf *b*, *f* dan *v* serta gugusan konsonan yang bermula dengan huruf *p* dan *b*.

Contoh:

bakar + peN-...-an = pembakaran

boikot + peN-...-an = pemboikotan

veto + peN-...-an = pemvetoan

blok + peN-...-an = pemblokaran

- c. peN-...-an akan menjadi pen-...-an apabila digabungkan dengan kata dasar yang bermula dengan huruf-huruf *d*, *c*, *j*, *sy*, dan *z*, serta kata dasar pinjaman yang bermula dengan huruf *t* dan *s*.

Contoh:

daki + peN-...-an = pendakian

cuci + peN-...-an = pencucian

jejak + peN-...-an = penjejakan

syarikat + peN-...-an = pensyarikatan

ziarah + peN-...-an = penziarahan

tadbir + peN-...-an = pentadbiran

stabil + peN-...-an = penstabilan

- d. *peN-...-an* akan menjadi *peng-...-an* apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf-huruf *g*, *kh*, dan *h*(konsonan) dan *a*, *e*, *i*, *o*, dan *u*(vokal) serta kata dasar pinjaman yang bermula dengan huruf *k*.

Contoh:

gubah	+	<i>peN-...-an</i>	=	penggubahan
khusus	+	<i>peN-...-an</i>	=	pengkhususan
hidup	+	<i>peN-...-an</i>	=	penghidupan
adu	+	<i>peN-...-an</i>	=	pengaduan
ekor	+	<i>peN-...-an</i>	=	pengekoran
ikat	+	<i>peN-...-an</i>	=	pengikatan
olah	+	<i>peN-...-an</i>	=	pengolahan
ubat	+	<i>peN-...-an</i>	=	pengubatan
kritik	+	<i>peN-...-an</i>	=	pengkritikan

- e. *peN-...-an* bervariasi dengan *pel-...-an* apabila bergabung dengan perkataan *ajar* untuk membentuk kata terbitan *pelajaran* yang bertujuan membezakan bentuk tersebut dengan *pengajaran*.

ii. Apitan pe-...-an

Terdapat satu bentuk apitan *pe-...-an* yang membentuk kata nama terbitan, apabila *pe...-an* bergabung dengan kata dasar akan menandakan makna tempat sesuatu kerja atau kawasan yang khusus.

Contoh:

labuh	+	<i>pe-...-an</i>	=	pelabuhan
kubur	+	<i>pe-...-an</i>	=	pekuburan
karang	+	<i>pe-...-an</i>	=	pekarangan

iii. Apitan peR-...-an

Apitan *peR-...-an* mempunyai satu bentuk sahaja, iaitu *per-...-an*. Apitan *peR--an* dapat bergabung dengan semua kata dasar tanpa mengubah sebarang bunyi pada kata dasar tersebut.

Contoh:

balah	+	<i>peR-...-an</i>	=	perbalahan
taut	+	<i>peR-...-an</i>	=	pertautan
siap	+	<i>peR-...-an</i>	=	persiapan

Apitan *peR-...-an* ini apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *r* akan menyebabkan salah satu *r* yang terkandung dalam kata terbitan tersebut mengalami proses peleburan.

Contoh:

rasa	+	peR-...-an	=	perasaan
rumah	+	peR-...-an	=	perumahan
rantau	+	peR-...-an	=	perantauan

iv. Apitan *ke-...-an*

Apitan *ke-...-an* mempunyai satu bentuk sahaja, iaitu *ke-...-an* yang boleh bergabung dengan semua kata dasar tanpa melibatkan sebarang perubahan bunyi pada kata dasar tersebut.

Contoh:

diam	+	ke-...-an	=	kediaman
mati	+	ke-...-an	=	kematian
anjal	+	ke-...-an	=	keanjalan
setia	+	ke-...-an	=	kesetiaan
telanjur	+	ke-...-an	=	ketelanjuran

3.4.3.2 Apitan Kata Kerja

Apitan bahasa Melayu yang membentuk kata kerja terbitan terdiri daripada sebelas jenis, iaitu:

- i. meN-...-kan
- ii. beR-...-kan
- iii. beR-...-an
- iv. di-...-kan
- v. meN-...-i
- vi. di-...-i
- vii. memper-...-kan
- viii. memper-...-i
- ix, ke-...-an
- x. diper-...-kan
- xi. diper-...-i

i. Apitan meN-...-kan

Apitan meN-...-kan mempunyai lima kelainan,
 iaitu:

a. me-...-kan.

Contoh:

rasa	+	meN-...-kan	= merasakan
lupa	+	meN-...-kan	= melupakan
yakin	+	meN-...-kan	= meyakinkan

b. mem-...-kan.

Contoh:

bawa	+	meN-...-kan	= membawakan
pamer	+	meN-...-kan	= mempamerkan
biar	+	meN-...-kan	= membiarkan

c. men-...-kan.

Contoh:

dakwa	+	meN-...-kan	= mendakwakan
janji	+	meN-...-kan	= menjanjikan
zahir	+	meN-...-kan	= menzahirkan

d. meng-...-kan,

Contoh:

golong	+	meN-...-kan	= menggolongkan
aku	+	meN-...-kan	= mengakukan
khas	+	meN-...-kan	= mengkhaskan

e. menge-...-kan.

Contoh:

sah	+	meN-...-kan	= mengesahkan
lap	+	meN-...-kan	= mengelapkan
kod	+	meN-...-kan	= mengekodkan

ii. Apitan beR-...-kan

Hanya terdapat satu bentuk apitan *beR-...-kan*, iaitu *beR-...-kan* yang menandakan maksud menjadi-kan sesuatu itu sebagai maksud yang terkandung dalam kata dasar.

Contoh:

suami	+	beR-...-kan	= bersuamikan
tilam	+	beR-...-kan	= bertilamkan
arah	+	beR-...-kan	= berarahkan
pandu	+	beR-...-kan	= berpandukan

Apabila apitan *beR-...-an* bergabung dengan kata

dasar yang bermula dengan huruf *r*, maka salah satu daripada *r* yang terdapat dalam kata terbitan tersebut akan mengalami proses peleburan.

Contoh:

rantai	+	beR-...-kan	= berantaikan
riba	+	beR-...-kan	= beribakan
rumah	+	beR-...-kan	= berumahkan
raja	+	beR-...-kan	= berajakan

iii. Apitan beR-...-an

Terdapat satu bentuk sahaja apitan *beR-...-an*, iaitu *ber-...-an* yang membentuk kata kerja terbitan. Sama seperti *beR-...-kan*, apitan *beR-...-an* apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *r*, maka salah satu daripada huruf *r* tersebut akan mengalami proses peleburan.

Contoh:

salam	+	beR-...-an	= bersalaman
tuju	+	beR-...-an	= bertujuan
lari	+	beR-...-an	= berlarian
degup	+	beR-...-an	= berdegupan
retak	+	beR-...-an	= beretakan
riak	+	beR-...-an	= beriakan

iv. Apitan di-...-kan

Apitan *di-...-kan* mempunyai satu bentuk sahaja, dan apitan ini merupakan bentuk pasif apitan *meN-...-kan*.

Contoh:

lari	+	di-...-kan	=	dilarikan
hilang	+	di-...-kan	=	dihilangkan
malu	+	di-...-kan	=	dimalukan

v. Apitan meN-...-i

Apitan *meN-...-i* mempunyai empat jenis, iaitu:

a. *me-...-i*.

Contoh:

rasa	+	meN-...-i	=	merasai
yakin	+	meN-...-i	=	meyakini
marah	+	meN-...-i	=	memarahi

Apabila apitan *me-...-i* bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *p*, *t*, *k*, dan *s*, maka huruf pertama kata dasar tersebut akan mengalami proses nasalisasi.

Contoh:

pagar	+	meN-...-i	=	memagari
takut	+	meN-...-i	=	menakuti
kasih	+	meN-...-i	=	mengasihi

suka + meN-...-i = menyukai

b. mem-...-i.

Contoh:

baharu + meN-...-i = membaharui

punya + meN-...-i = mempunyai

basah + meN-...-i = membasahi

c. men-...-i.

Contoh:

dusta + meN-...-i = mendustai

jalan + meN-...-i = menjalani

cucur + meN-...-i = mencucuri

d. meng-...-i.

Contoh:

alam + meN-...-i = mengalami

hasut + meN-...-i = menghasuti

ekor + meN-...-i = mengekori

vi. Apitan di-...-i

Apitan *di-...-i* merupakan bentuk pasif kepada apitan *meN-...-i*.

Contoh:

kotor + di-...-i = dikotori

ekor + di-...-i = diekori

hasut + di-...-i = dihasuti

vii. Apitan mempeR-...-kan

Apitan mempeR-...-kan mempunyai satu jenis sahaja, iaitu memper-...-kan.

Contoh:

senda + mempeR-...-kan = mempersendakan
banding + mempeR-...-kan = memperbandingkan
bahas + mempeR-...-kan = memperbahaskan

viii. Apitan mempeR-...-i

Apitan mempeR-...-i mempunyai satu jenis sahaja, iaitu memper-...-i, dan bentuk apitan ini kurang produktif dalam bahasa Melayu.

Contoh:

baharu + mempeR-...-i = memperbaharui
oleh + mempeR-...-i = memperolehi
halus + mempeR-...-i = memperhalusi

ix. Apitan ke-...-an

Apitan ke-...-an akan membentuk kata kerja pasif, dan hanya mempunyai satu bentuk sahaja, iaitu ke-...-an.

Contoh:

panas + ke-...-an = kepanasan
curi + ke-...-an = kecurian

hujan + ke-...-an = kehujanan

x. Apitan diper-...-kan

Apitan diper-...-kan mempunyai satu bentuk sahaja, iaitu diper-...-kan.

Contoh:

lihat + diper-...-kan = diperlihatkan
banding + diper-...-kan = diperbandingkan
taruh + diper-...-kan = dipertaruhkan

xi. Apitan diper-...-i

Apitan diper-...-i mempunyai satu bentuk sahaja, iaitu diper-...-i dan kurang produktif penggunaannya dalam bahasa Melayu.

Contoh:

baik + diper-...-i = diperbaiki
oleh + diper-...-i = diperolehi
halus + diper-...-i = diperhalusi

3.4.3.3 Apitan Kata Adjektif

Terdapat satu bentuk apitan yang membentuk kata adjektif, iaitu ke-...-an. Apitan ini bergabung dengan kata dasar daripada golongan kata nama, bagi menerbitkan satu kata adjektif yang

menunjukkan keadaan atau sifat nama yang diterangkan.

Contoh:

barat	+	ke-...-an =	kebaratan
arab	+	ke-...-an =	kearaban
cina	+	ke-...-an =	kecinaan

3.4.4 Sisipan

Sisipan merupakan satu bentuk imbuhan yang tidak produktif lagi dalam bahasa Melayu. Bentuk-bentuk kata yang menerima sisipan ini sudah membeku dan sebatik dalam bahasa Melayu. Sisipan dapat membentuk kata nama terbitan dan kata adjektif terbitan.

Contoh:

a. Kata nama bersisipan

tunjuk	+	-el- =	telunjuk
sabut	+	-er- =	serabut
suling	+	-el- =	seruling

b. Kata adjektif bersisipan

serak	+	-el- =	selerak
gigi	+	-er- =	gerigi

gilang	+	-em-	=	gemilang
sambung	+	-in-	=	sinambung

3.5 Kata Majmuk

Kata majmuk ialah kata yang terhasil akibat daripada proses merangkaikan dua kata dasar atau lebih yang membawa maksud tertentu. Kata majmuk lazimnya dieja terpisah dan bertindak sebagai satu unit, iaitu bentuk kata majmuk tidak boleh menerima penyisipan bentuk lain.

Berdasarkan jenisnya, kata majmuk dapat dikategorikan kepada tiga kelompok, iaitu:

- a. Kata majmuk yang terdiri daripada rangkai kata bebas.

Contoh:

gambar rajah	jalan raya
jam tangan	bom tangan
kapal terbang	luar biasa
Perdana Menteri	Naib Canselor
Raja Muda	Penolong Pendaftar

- b. Kata majmuk yang berbentuk istilah khusus dalam bidang ilmiah.

Contoh:

model linear	garis pusat
kertas kerja	kanta sentuh

batu kapur pita suara

- c. Kata majmuk yang mendukung maksud kiasan.

Contoh:

anak emas kaki ayam

pilih kasih makan angin

berat perut buah hati

Terdapat sebilangan kecil kata majmuk yang penggunaannya telah mantap sebagai satu perkataan yang utuh, walaupun bentuk kata tersebut ternyata mempunyai dua kata dasar (Nik Safiah et al., 1993: 75). Perkataan yang demikian dieja sebagai satu perkataan.

Bentuk-bentuk tersebut ialah:

antarabangsa manalagi

olahraga pesuruhjaya

sediakala setiausaha

beritahu bumiputera

suruhanjaya tandatangan

tanggungjawab warganegara

jawatankuasa kakitangan

kerjasama matahari

3.5.1 Penggandaan Kata Majmuk

Proses penggandaan kata majmuk hanya melibatkan unsur pertama kata dasar sahaja.

Contoh :

alat-alat tulis	gambar-gambar rajah
balai-balai raya	kertas-kertas kerja

Tetapi bagi unsur-unsur yang telah mantap, proses penggandaan melibatkan kesemua bentuk kata majmuk tersebut.

Contoh :

antarabangsa-antarabangsa
olahraga-olahraga
warganegara-warganegara

3.5.2 Pengimbuhan Kata Majmuk

Pengimbuhan kata majmuk terdapat dalam dua bentuk, iaitu:

- Apabila kata majmuk menerima awalan atau akhiran, ejaannya tetap terpisah.

Contoh:

campur aduk	+	ber-	=	bercampur aduk
pilih kasih	+	meN-	=	memilih kasih
daya serap	+	-an	=	daya serapan

- Apabila kata majmuk menerima apitan, maka ejaannya akan bercantum.

Contoh:

satu padu	+	meN-...-kan	=	menyatupadukan
campur aduk	+	di-...-kan	=	dicampuradukkan
daya serap	+	ber-...-an	=	berdayaserapan

3.6 Kata Ganda

Kata ganda ialah kata yang terhasil akibat daripada proses menggandakan kata dasar. Proses penggandaan dalam bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu:

- i. penggandaan penuh
- ii. penggandaan separa
- iii. penggandaan berentak

3.6.1 Penggandaan Penuh

Penggandaan penuh ialah proses menggandakan keseluruhan kata dasar, sama ada kata dasar tersebut mengandungi imbuhan atau pun tidak.

Contoh:

batu-batu	suka-suka
marah-marah	meja-meja
cerdik-cerdik	gunung-gunung
persatuan-persatuan	
pelatih-pelatih	
pelumba-pelumba	
kegiatan-kegiatan	

3.6.2 Penggandaan Separa

Penggandaan separa ialah proses menggandakan sebahagian daripada kata dasar sahaja. Kata dasar boleh terdiri daripada kata tunggal atau pun kata terbitan dan boleh berlaku di hadapan atau pun di belakang kata dasar.

Contoh:

laki	lalaki	=	lelaki
jari	jajari	=	jejari
langit	lalangit	=	lelangit

(Perubahan daripada vokal a kepada e di atas merupakan pengubahsuaiannya kepada sistem sebutan bahasa Melayu). Contoh penggandaan di bahagian belakang kata dasar ialah:

kasih-mengasih
tolong-menolong
bantu-membantu

3.6.3 Penggandaan Berentak

Penggandaan berentak bahasa Melayu terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:

- i. penggandaan berentak pengulangan vokal
- ii. penggandaan berentak pengulangan konsonan
- iii. penggandaan berentak bebas

i. penggandaan berentak pengulangan vokal

Penggandaan berentak pengulangan vokal ialah proses penggandaan yang mengulang bunyi-bunyi vokal yang terdapat dalam kata dasar.

Contoh:

sayur-mayur	kuih-muih
lauk-pauk	suka-duka

ii. penggandaan berentak pengulangan konsonan

Penggandaan berentak pengulangan konsonan ialah proses menggandakan kata dasar dengan mengulang bunyi-bunyi konsonan yang terdapat di dalam kata dasar.

Contoh:

gunung-ganang	mundar-mandir
kayu-kayan	mandi-manda

iii. penggandaan berentak bebas

Penggandaan berentak bebas ialah proses menggandakan kata dasar tanpa menghiraukan kesamaan bunyi ataupun bentuk kata dasar tersebut.

Contoh:

sahabat-handai	rakan-taulan
susur-galur	lemah-longlai

3.7 Kesimpulan

Secara umumnya perkembangan bahasa Melayu selaras dengan perancangannya. Bahasa Melayu hari ini berkembang melalui proses perancangan bahasa dan telah menjadi satu bahasa yang sesuai dalam segala bentuk komunikasi dan dapat memperkatakan apa jua bidang ilmu.

Bagi menampung keperluan ilmu pengetahuan yang semakin berkembang maka proses pembentukan kata bahasa Melayu melibatkan penambahan dan peminjaman kata daripada bahasa asing. Proses peminjaman kata yang diambil daripada bahasa asing ini, terutama sekali daripada bahasa Inggeris, telah menyebabkan banyak bentuk kata dan imbuhan yang baharu muncul dalam bahasa Melayu.

Bentuk-bentuk kata dan imbuhan baharu yang dipinjam daripada bahasa asing ini secara tidak langsung terus terserap sebagai kata dan imbuhan bahasa Melayu. Penggunaan bentuk-bentuk

baharu ini sebagai memenuhi keperluan terhadap penerokaan bidang-bidang baharu terutama bidang ilmu pengetahuan yang semakin berkembang.

Walaupun bahasa Melayu meminjam banyak perkataan dan imbuhan asing, namun tidak kesemua bentuk yang dipinjam itu diserapkan secara total. Setiap bentuk yang dipinjam itu akan diselaraskan dengan sistem bahasa Melayu. Beberapa aspek, misalnya istilah, digubal berdasarkan prinsip-prinsip bahasa tertentu.